

12 JUL 2000

MAJLIS PERUNDING AGAMA SAMBUT BAIK JAMINAN PM

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh Malaysia menyambut baik jaminan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar penduduk bukan Islam di negara akan terus menikmati keamanan dan keharmonian.

Presidennya A. Vaithilingam berkata majlis berkenaan yakin bahawa kepimpinan kerajaan akan melakukan apa sahaja untuk mengekalkan keamanan dan keharmonian yang sedia wujud di Malaysia.

"Kami yakin kepada kepimpinan kerajaan," katanya dalam satu kenyataan sebagai mengulas jaminan Dr Mahathir bahawa sokongan berterusan kepada kerajaan akan membolehkan kerajaan membendung prejudis perkauman selain membantu mewujudkan keamanan dan keharmonian yang berkekalan.

Perdana Menteri membuat kenyataan itu semalam ketika ditanya oleh pemberita mengenai bentuk jaminan oleh kerajaan terhadap penduduk bukan Islam selepas pembunuhan anggota pasukan keselamatan bukan Islam berikutan rompakan senjata minggu lepas.

Vaithilingam yang juga presiden Hindu Sangam Malaysia berkata majlis itu kerap mengadakan dialog dengan kumpulan-kumpulan agama di negara ini termasuk Islam dan akan terus berbuat demikian demi keamanan dan keharmonian di Malaysia.

"Majlis telah mengadakan pertemuan dengan pemimpin Islam terutama Ikim, (dan) kami telah belajar memahami kepercayaan masing-masing. Setiap orang yang berlainan keturunan dan agama perlu memahami sesama mereka," katanya.

Beliau berkata rakyat Malaysia mesti berbangga bahawa negara ini merupakan contoh yang baik bagi keharmonian antara agama.

-- BERNAMA  
AFY LAT MAI